

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi
Sent: Monday, April 17, 2017 1:12 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Ariffin bin Abdul Mutalib
Subject: KECEMERLANGAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PEMANGKIN KEJAYAAN MASA DEPAN



**Pusat Pengajian Teknologi
Multimedia dan Komunikasi**

SCHOOL OF MULTIMEDIA TECHNOLOGY AND COMMUNICATION

Universiti Utara Malaysia

17 APRIL 2017 / 20 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik

KECEMERLANGAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PEMANGKIN KEJAYAAN MASA DEPAN



SMMTC ONLINE: Tanggal 11 April 2017 menyaksikan detik indah apabila SMMTC telah menganjurkan Majlis Anugerah Dekan untuk meraikan kejayaan pelajar yang telah berjaya dalam peperiksaan akhir semester lepas. Kelazimannya, pada setiap semester SMMTC akan mengadakan majlis khas bagi meraikan pelajar yang telah berjaya mendapat keputusan cemerlang dengan mendapat purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.5 ke atas dengan penganugerahan Sijil Anugerah Dekan. Sijil penghargaan akan diberikan kepada pelajar ini untuk terus menyuntik semangat dan kesungguhan

mereka dalam pengajian terutamanya dalam bidang akademik. Seramai 256 pelajar SMMTC daripada tiga program iaitu Program Komunikasi, Teknologi Media dan Multimedia tersenarai untuk mendapat Anugerah Dekan. Walau bagaimanapun, sebahagiannya sedang mengikuti praktikum di pelbagai organisasi.

Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Ariffin Abdul Mutalib dalam ucapan alu-aluannya menyatakan rasa bangga dan gembira atas kehebatan penerima Anugerah Dekan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, namun turut terlibat aktif dalam kelab dan persatuan.

Keseimbangan kurikulum dan sahsiah, menjadi pelengkap dan pemangkin kejayaan mereka khususnya dan sekaligus merealisasikan harapan UUM untuk melahirkan pelajar yang holistik dan berdaya saing. Dekan turut melahirkan penghargaan kepada AJK pelaksana iaitu Persatuan Komunikasi (PERKOM) yang telah membuat kelainan pada majlis kali ini, dengan pemberian *button batch* bertulis 'Congratulations..Dean's List' kepada setiap penerima anugerah yang hadir, di samping muzik gamelan sebagai iringan semasa penyampaian sijil seperti majlis konvokesyen.

HABIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.